

05/11/1997

Dr M mahu pemimpin terima kritikan

KUALA LUMPUR, Selasa - Masyarakat dan pemimpin perlu menerima kehadiran pengkritik kerana tanpa mereka masyarakat boleh melencong ke jalan salah, puas hati dengan apa yang dilakukannya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pengkritik sangat diperlukan oleh mereka yang memainkan peranan utama dalam masyarakat kerana "tanpa kritikan mereka tidak akan tahu apabila mereka salah dan mungkin tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling mereka".

Dalam kata aluan untuk buku ditulis oleh anak perempuannya, Marina, bertajuk In Liberal Doses, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pengkritik juga boleh terbawa-bawa dengan kebijaksanaan atau pun dengan pengaruh mereka.

Katanya, pengkritik mempunyai kuasa walaupun tidak bersandar kepada mana-mana pihak berkuasa secara rasmi atau dari segi undang-undang.

Buku itu ialah koleksi rencana yang ditulis oleh Marina sejak 1991 dalam ruangan Musings akhbar The Star yang dilancarkan oleh Prof Chandra Muzaffar di sini hari ini. Ibu penulis, Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, turut hadir pada majlis itu.

Dr Mahathir berkata, pengkritik "perlu ingat mereka selalunya betul tetapi tidak sentiasa betul, terutamanya, apabila kritikannya diasaskan dari khabar angin dan tidak disokong dengan penyelidikan wajar, kesan ke atas yang dikritik mungkin menyakitkan",

"Dan ini tepat sekali kerana oleh sebab tertentu pengkritik tidak boleh diserang," tambahnya.

Dr Mahathir berkata, kita hidup dalam masyarakat yang tidak sempurna dan kita semua individu yang tidak sempurna, tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan untuk kita tidak cuba menjadi sempurna, melakukan apa yang betul dan mengelakkan dari yang salah.

(END)